

**AMALAN ISTITABAH DALAM PERLAKSANAAN PEMULIHAN AKIDAH DI MALAYSIA
THE PRACTICE OF ISTITABAH IN IMPLEMENTATION OF AKIDAH CONVALESCENCE
IN MALAYSIA**

Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah¹, Muhammad Yosef Niteh², Aminudin Basir @Ahmad³, Mohd Shairawi Mohd Noor⁴ & Muhammad Fakhur Razi Shahabudin⁵.

¹Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor. mfairouz@kuis.edu.my.

²Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor. myosef@kuis.edu.my.

³Pensyarah Prof Madya, Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia. manhaj@ukm.edu.my.

⁴Pegawai Penyelidikan, Unit Penyelidikan Mufti Wilayah Persekutuan. shairawi@muftiwp.gov.my.

⁵Pelajar PhD, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor. nurfurqanrazi92@gmail.com.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Mac 2023

| Selepas Pembetulan: 13 April 2023

| Diterima untuk terbit: 29 Mei 2023

ABSTRAK

Perundangan di Malaysia mempunyai perbezaan prosedur dalam penukaran agama atau pengesahan status agama. Prosedur yang digunakan seperti proses rundingcara akidah atau penasihat akidah dikenali sebagai istitabah. Prosedur ini bertujuan memujuk pemohon untuk kekal dalam Islam. Di samping itu istitabah menjelaskan kekeliruan agama yang wujud dalam diri pemohon. Begitu juga istitabah ini digunakan untuk kesalahan yang berkait dengan ajaran selain Ahli Sunnah Wal Jamaah. Istitabah juga menggunakan Pusat Bimbingan Akidah sebagai lokasi dikenakan perintah penempatan. Namun begitu terdapat keadaan pelaksanaan istitabah tidak dapat dijalankan berpunca daripada masalah pengurusan, ketidakselarasan arahan dan ketiadaan garis panduan taubat. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti amalan istitabah dalam pelaksanaan pemulihan akidah di Malaysia. Kajian dilakukan menggunakan metodologi kualitatif melalui pendekatan temubual dan disokong dengan dokumen berkaitan. Kajian ini dijalankan terhadap amalan istitabah di Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Selangor dan Kelantan. Hasil kajian menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan dalam amalan istitabah bagi setiap negeri meliputi proses, modul, pihak yang menjalankan istitabah, tempoh masa istitabah dan tindakan susulan pasca istitabah. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada penambahbaikan kaedah pelaksanaan istitabah di peringkat negeri agar prinsip maqasid syariah dalam aspek pemeliharaan agama di Malaysia diutamakan.

Kata Kunci

Istitabah, Pemulihan Akidah, Murtad, Amalan, Modul.

ABSTRACT

The legislation procedure for conversion of applicants' religious status varies amongst Malaysian states. "Istitabah" is one of the procedure for consulting the applicants regarding their faith. The aim of "Istitabah" is to persuade the applicants to remain in Islam. The "Istitabah" process clarifies any confusion the applicants may have concerning religions. Besides, "Istitabah" is used to consult any offenses involving teachings other than Ahli Sunnah wa Jamaah. "Istitabah" uses the Akidah Guidance Center as a location of placement orders. However there are a few circumstances in which the implementation of "Istitabah" cannot be carried out. These include management issues, inconsistent directives, and the absence of repentance guidelines. Therefore, the objective of this study is to identify the practice of "Istitabah" in the implementation of faith restoration among applicants in Malaysia. The study was conducted using a qualitative methodology through interview method and supported by relevant documentation. This study was carried out to understand how "Istitabah" is practiced in Penang, Negeri Sembilan, Selangor, and Kelantan. The results revealed both similarities and differences in the practice of "Istitabah" among the aforementioned states, including the process, the module used, the party performing the process, the duration of "Istitabah", and the follow-up action of "Istitabah". We hope that this study will contribute to the improvement of the "Istitabah" implementation

at the state level in order to preserve the principles of syariah maqasid in Malaysia.

Keywords

Istitabah, Faith Restoration, Apostasy, Practice, Module.

1.0 Pendahuluan

Persoalan akidah bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan kerana ia berkait maqasid shari'ah iaitu dalam aspek penjagaan agama (hifz al-Din). Gejala kerosakan akidah seperti ajaran salah yang sentiasa berkembang dan menular saban hari perlu dipandang serius dalam usaha memelihara akidah umat (Dimon, Z., Azizan, N. I., Ismail, N., Ghani, H. A., Hassan, Z., Piah, N. M. & Petra, K. I. A. S. I., 2017).

Umumnya, kesalahan akidah di Malaysia semakin meningkat dari semasa ke semasa, terutamanya kes murtad. Antara tahun 1994 sehingga 1997, 519 permohonan telah dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan tujuan untuk tukar nama atas alasan ingin keluar dari Islam (Farahwahida et al. t.t). Dalam penulisan Pg Ismail et al. (2015) permohonan keluar Islam telah dikemukakan di Mahkamah Syariah sebanyak 686 permohonan dalam tempoh dari tahun 2000 sehingga 2010. Hal ini membuktikan bahawa terdapat peningkatan permohonan murtad atau dengan kata lain fenomena murtad semakin berleluasa di Malaysia dari tahun ke tahun.

Selain daripada murtad, kesalahan akidah yang lain juga termasuk penyebaran ajaran sesat dan ajaran yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ajaran sesat adalah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam, sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan hadis serta bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah wa Jamaah. Berdasarkan penakrifan tersebut jelas dapat dilihat bahawa golongan yang mengamalkan ajaran sesat itu murtad dan hanya amalan atau ajaran yang diamalkan oleh mereka telah menyimpang. Berkenaan dengan penetapan murtad terhadap seseorang atau kumpulan adalah tertakluk kepada pihak berkuasa seperti institusi fatwa atau kehakiman Islam (Mohd Aizam 2015: 58).

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (2009: 1-26) telah menghimpunkan beberapa ajaran sesat yang melibatkan akidah Islam, antaranya Tarekat Mufarridah, Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiah Kadirun Yahya, ajaran Hassan Anak Rimau, Kumpulan Qadiani atau Ahmadiyah, ajaran Bahai, al-Arqam, Syiah, Tariqat Naqsyabandiyah alAliyyah Syeikh Nazim al-Haqqani, Wahdatul Wujud, kumpulan Black Metal dan ajaran Azhar bin Wahab. Menurut Mohd Aizam (2015: 64), pada akhir tahun 1999 jumlah ajaran sesat yang telah dilaporkan ke Jabatan Agama Islam di seluruh Malaysia menjangkau lebih 100 ajaran.

Perkembangan kes Abdul Kahar Ahmad atau Rasul Melayu (2009), penubuhan pusat pemulihan akidah dan usul undang-undang rehabilitasi bagi kesalahan akidah di Perlis (2000) telah menimbulkan persoalan tentang bagaimana bentuk amalan perintah taubat bagi tujuan pemulihan akidah (istitabah) bagi mengawal gejala kerosakan akidah ini dilaksanakan peringkat negeri? Adakah ia menjadi prosedur yang standard kepada semua kes-kes kesalahan akidah di peringkat negeri terutamanya yang melibatkan permohonan keluar agama Islam? Dan bagaimanakah modul pemulihan yang dilaksanakan bagi proses tersebut? Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada pendekatan yang digunakan dalam proses istitabah dengan mengambilkira pelaksanaannya di peringkat negeri di Malaysia.

Definisi istitabah adalah memohon taubat atau menganjurkan taubat. Taubat dilaksanakan dengan menginsafi perbuatan mungkar dan maksiat lalu memohon keampunan Allah SWT serta berjanji tidak akan kesalahan tersebut (K. H Mawardi Labay El Sultahani, 2000). Taubat dilakukan sebagai meneladani amalan Nabi Adam AS dalam menyesali ketidaktaatan baginda AS kepada Allah SWT. Hal yang demikian membuktikan setiap individu melakukan dosa dan mempunyai ketetapan jiwa apabila kembali bertaubat kepada Allah SWT. Taubat juga merupakan inisiatif pertama bagi tindakan

individu yang berkeinginan kepada redha Allah SWT. Selain itu amalan taubat merupakan titik tolak bagi golongan yang menuju ke jalan Allah SWT (Muhammad Ramzi Omar, 2004).

Dalam pada itu konsep istitabah membahaskan mengenai permasalahan murtad dan pelaksanaan sebelum hukum had dijalankan. Di samping itu terma istitabah turut dikenali sebagai prosedur rasmi yang berlaku sebelum satu-satu individu dijatuhkan hukum had riddah (Azdi et al, 2013). Istitabah juga merupakan satu anjuran atau proses memberi peluang untuk bertaubat bagi individu yang melakukan kesalahan atau jenayah dari segi syarak. Selain itu pendekatan istitabah yang dijalankan dalam bentuk rundingan dan khidmat nasihat akidah kepada pemohon untuk kembali menerima Islam sebagai agama dalam hidup (Nor Ashikin Md. Nasir, & Siti Zubaidah Ismail, 2017). Rentetan itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti proses istitabah bagi empat zon yang telah ditetapkan terhadap golongan yang terlibat dalam kesalahan akidah iaitu golongan yang memohon keluar Islam dan kumpulan ajaran-ajaran sesat.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menjalankan kajian kualitatif kerana objektif kajian memerlukan data yang terperinci bagi mendalami prosedur amalan Istitabah dalam pelaksanaan pemulihan akidah. Kajian ini mempunyai dua proses utama iaitu mengumpul dan menganalisa data. Pengumpulan data kualitatif menjalankan tiga jenis iaitu kaedah pemerhatian dengan keterangan secara terperinci, kaedah temu bual bagi memperoleh data daripada pernyataan individu berkaitan pengalaman, sikap, keyakinan dan pemikiran mereka serta kaedah kajian kepustakaan seperti bukti dokumen daripada bahan bertulis daripada petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman dan kes-kes sejarah (Patton, 1990). Kajian ini memilih temu bual semi-struktur dengan kaedah bersemuka secara individu bersama responden kajian. Temu bual semi-struktur mempunyai format kaedah temu bual yang terletak di antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Kajian ini menjalankan temu bual terhadap individu yang berbeza, berlainan tempat dan waktu. Ia melibatkan lapan orang reponden kajian di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Jabatan Mufti Negeri, Majlis Agama Islam dan Pusat Pemulihan Akidah daripada Pulau Pinang, Kelantan, Selangor dan Negeri Sembilan. Terdapat beberapa fasa dalam proses menganalisis data kajian ini. Setelah selesai mentranskripkan audio temu bual, data tersebut dihantarkan ke responden kajian untuk membuat semakan, validiti atau kesahan kandungan. Seterusnya kajian ini menentukan tema dan kategori dengan menggunakan kod-kod yang telah ditentukan secara manual (Darusalam, Ghazali, & Sufean Hussin, 2016). Kajian ini melaksanakan analisis secara bertema atau analisis induktif kerana semua persoalan kajian berdasarkan tema yang ditentukan berdasar kepada objektif kajian. Dapatan data daripada temu bual diperkuatkan dengan pengumpulan dokumen. Analisis dokumen merupakan pecahan daripada kaedah pengumpulan data kajian yang mempunyai huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan dan digambarkan (Babbie E, 2010). Bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau apaapa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan.

3.0 Dapatan Kajian

Penggunaan istilah istitabah didapati berbeza mengikut negeri. Di Selangor, istitabah adalah istilah yang digunakan dalam memulihkan pesalah akidah manakala dalam kes permohonan keluar Islam, ia disebut sebagai penasihat akidah. Manakala di Negeri Sembilan, tiada istilah istitabah digunakan tetapi proses pemulihan ini disebut sebagai runding cara akidah. Sedangkan pesalah akidah dikenakan hukuman jika disabit kesalahan tanpa menjalani proses istitabah. Amalan pemulihan akidah di Pulau Pinang pula didapati menggunakan istilah pemurnian akidah berdasarkan Modul Pemurnian Akidah Menangani Gejala Murtad 2012 dalam berhadapan dengan pemohon keluar Islam, manakala istitabah hanya terpakai bagi individu yang diisytiharkan sebagai murtad. Sementara itu di Kelantan, pemohon keluar Islam ditahan dan menjalani runding cara akidah di Pusat Bimbingan Islam, manakala pesalah akidah dikenakan hukuman jika sabit kesalahan tanpa ada proses istitabah yang khusus.

4.0 Proses Istitabah

Terdapat dua bentuk proses istitabah yang digunakan iaitu penempatan di Pusat Pemulihan dan runding cara akidah. Bagi kes yang berkaitan dengan murtad di Kelantan pemohon diarahkan mahkamah untuk menjalani bimbingan dan rundingan akidah yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam. Manakala pesalah akidah dikenakan hukuman denda atau dipenjarakan diantara 3- 5 tahun (Daud Muhammad, 26 Nov 2017). Manakala di Pulau Pinang pendekatan istitabah yang digunakan kepada pemohon keluar Islam adalah melalui kaedah pemurnian akidah di Pusat Dakwah MAIPP yang dikenali sebagai Darul Hidayah. Pusat ini mengendalikan pemurnian akidah dengan sesi kaunseling melalui perintah mahkamah atau aduan daripada pihak-pihak tertentu seperti waris atau kenalan individu yang berhasrat keluar Islam (Mohammad Shakir Abdul Hamid, 11 Jan 2018).

Pendekatan yang sama digunakan di Negeri Sembilan dan Selangor dalam berhadapan dengan pemohon keluar Islam melalui kaedah runding cara akidah yang dikendalikan oleh jabatan mufti negeri. Jabatan Mufti Negeri Sembilan berperanan sebagai penyalur maklumat untuk proses perundingan bicara di mahkamah atau mengisytiharkan pemohon keluar Islam (Muhammad Yusry Mazlan, 8 Jan 2018). Begitu juga Jabatan Mufti Selangor berperanan dalam unit penasihat akidah melalui MAIS berdasarkan kandungan perintah mahkamah (Mohd Darudin Taib, 19 Dis 2017). Walau bagaimanapun pendekatan yang berbeza digunakan dalam menangani kes kesalahan akidah. Apabila kes kesalahan akidah telah disabitkan, hukuman yang dikenakan berbentuk denda atau penjara atau kedua-duanya sekali berdasarkan Enakmen Jenayah Syariah negeri tersebut (Abd Razak Mat Nayan, 2 Mac 2018).

Manakala bagi pesalah akidah di negeri Selangor dihantar ke Pusat Pemulihan akidah sebagai tambahan kepada hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah selama tempoh enam bulan di Baitul Iman seperti yang berlaku kepada kes Kahar sebagai ajaran sesat. Pemulihan akidah yang dilaksanakan di pusat pemulihan di Negeri Selangor berdasarkan kepada Modul Istitabah MAIS 2017. Pelatih menjalani empat peringkat pemulihan iaitu saringan, rawatan, pemulihan dan sokongan. Saringan yang pertama adalah berbentuk saringan klinikal di hospital. Seterusnya semakan semula dalam saringan klinikal dibuat dengan doktor atau psikiatri mengikut prosedur biasa seperti orang awam di hospital. Setelah itu pelatih melalui saringan kerohanian dengan bantuan daripada panel rawatan Islam untuk mengenal pasti gangguan makhluk halus, sihir dan sebagainya (Izhar Ismail, 1 Nov 2017).

Satu lagi bentuk saringan ialah saringan sistem kepercayaan (*belief system*) di mana tahap keparahan akidah pelatih ditentukan menggunakan alat pengukuran A-test dan AP-Log (MAIS, 2017). Setelah itu pada akhir sesi saringan ini, laporan dibentangkan dihadapan jawatankuasa penilai yang dihadiri Datuk Setiausaha MAIS, Mufti Selangor dan lain-lain lagi. Peringkat ketiga ialah rawatan dan pemulihan melibatkan rawatan fizikal, rawatan spritual Islam dan kaunseling syarie (Izhar Ismail, 1 Nov 2017). Kaunseling Syarie digunakan bagi merawat psikologi pelatih manakala rawatan fizikal dan mental dirujuk kepada Pegawai perubatan awam. Bagi rawatan spiritual Islam pula pendekatan Ilaj Syari'e digunakan melibatkan zikir, tilawah al-Quran, dan solat sunat (MAIS, 2017). Bagi tujuan ini juga beberapa guru hadir ke pusat bagi mengajar pelatih berkenaan asas-asas agama (Izhar Ismail, 1 Nov 2017).

Selain modul rawatan, terdapat modul pemulihan yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu modul pemulihan umum, modul pemulihan khusus dan modul penyesuaian dan penyelesaian masalah. Setelah selesai semua komponen modul ini, pelatih sekali lagi melalui proses penilaian A-test dan AP-log serta MMSJ bagi menentukan kelayakan mereka untuk dipindahkan ke fasa pengukuhan dan pemantapan (MAIS, 2017). Sepanjang fasa ini pelatih ditempatkan dalam satu tempat yang khusus seperti sistem asrama. Namun bagi kes-kes berat mereka dikuarantin daripada pelatih lain di dalam satu bilik yang dilengkapi tandas dan tempat tidur. Tujuannya supaya pelatih ini tidak mempengaruhi pelatih-pelatih lain yang kebanyakannya terdiri daripada pelatih sosial (Izhar Ismail, 1 Nov 2017).

Peringkat keempat ialah fasa pengukuhan dan pemantapan (Pra bebas). Dalam fasa ini modul yang dibincangkan melibatkan tasawwur Islam, percintaan daripada Islam dan akidah akhir zaman. Di samping itu, pelatih tetap menjalani rawatan kerohanian dan kaunseling syarie. Sekali lagi pelatih dinilai berdasarkan ujian A-test, AP-log dan MMSJ bagi menentukan kelayakan mereka untuk

dibebaskan. Jika layak mereka masuk ke sesi khidmat sokongan dan jika sebaliknya mereka kembali semula ke proses rawatan dan pemulihan (MAIS, 2017).

5.0 Modul yang digunakan

Modul di Selangor yang digunakan semasa proses runding cara akidah bersifat kaunseling dalam bentuk penasihat akidah. Ia berbeza dengan proses istitabah MAIS yang menekankan aspek rawatan dan sokongan. Jabatan Mufti Selangor menyentuh topik-topik modul yang berkaitan asas-asas akidah, perbandingan agama, perundangan, al-Quran dan sains. Pendekatan yang digunakan menggunakan kaedah mediasi, aplikasi kes-kes dan simulasi. Modul yang telah digubal ini akan digunakan oleh kumpulan panel yang dilantik oleh Jabatan Mufti Selangor mengikut kriteria pengiktirafan antarabangsa seperti Persatuan peguam Muslim, Dr. Atirah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), figura Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Shah Kirit, Shahfitri, Firdaus Wong. Selain itu terdapat panel yang dilatih khas oleh Jabatan Mufti Selangor (Mohd Darudin Taib, 19 Dis 2017). Panel ini melakukan sesi penasihat akidah secara *one to one* ataupun secara individu. Setiap panel menjalani sesi latihan yang disediakan oleh Jabatan Mufti Selangor.

Manakala dalam memulihkan pesalah akidah, MAIS telah menggubal satu modul khusus yang diberi nama Modul Istitabah MAIS. Modul ini telah dikemukakan dalam resolusi sidang meja bulat Modul Istitabah anjuran bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS melalui Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman pada 17-20 Januari 2012. Draf modul telah dibentangkan kepada ahli MAIS oleh YAD Mufti Diraja Negeri Selangor pada Mac 2013 dan diuji juga ke atas pesalah akidah Abdul Kahar Bin Ahmad. Selanjutnya pemurnian modul telah dilakukan pada tahun 2014 dan 2015 sebelum diluluskan pada 27 ogos 2015 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Riqab MAIS (MAIS, 2017). Modul ini juga telah diguna pakai dalam pemulihan akidah kes Milah Ibrahim dan kes dakwaan sebagai Imam Mahdi di media sosial (Izhar Ismail, 1 Nov 2017).

Prosedur runding cara akidah di Negeri Sembilan menggunakan pengalaman individu kerana tiada modul khusus yang digubal. Manakala bagi menguruskan kes kesalahan akidah ia merupakan bidang kuasa penyelidikan dan pembangunan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan. Namun begitu, sesi runding cara yang dijalankan di Jabatan Mufti Negeri Sembilan melibatkan barisan panel yang dipilih berdasarkan keupayaan untuk berdebat berkenaan dengan isu-isu perbandingan agama. Barisan panel ini terdiri daripada pelbagai lapisan pendidikan seperti pengajian Islam, mendapat kursus khas Dr. Zakir Naik, mantan sami Hindu dan bekas penganut Kristian. Sesi perbincangan dijalankan secara individu (Muhammad Yusry Mazlan, 8 Jan 2018).

Di Pulau Pinang, MAIPP menggunakan dua bentuk modul. Pertama, Modul Pemurnian Akidah yang digunakan kepada pemohon keluar agama. Kedua, Modul Istitabah yang sedang dirangka bagi mereka yang telah diisytiharkan keluar Islam. Modul Pemurnian Akidah yang terdiri daripada 12 sesi kaunseling yang disebut sebagai 12 majlis dan setiap sesi ini tidak terhad kepada satu kali pertemuan (Azmah Abdullah, 11 Jan 2018). Modul ini digubal oleh panel khusus melibatkan MAIPP bersama penyelidik akademik daripada Institut Islam Hadhari UKM. Pendekatan yang digunakan adalah lebih bersifat memujuk pemohon untuk kekal dalam Islam (Mohammad Shakir Abdul Hamid, 11 Jan 2018). Modul ini dijalankan dengan kerjasama daripada fasilitator yang dilantik oleh MAIPP. Barisan fasilitator terdiri daripada ahli akademik dan figura NGO-NGO Islam seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI), Malaysia Chinese Muslim Association (MACMA) dan Hidayah Centre yang membantu usaha pemurnian akidah ini. Kebiasaannya pemilihan fasilitator dalam kalangan latar belakang kaum atau agama asal yang sama dengan pemohon. Barisan fasilitator juga memiliki pengalaman dalam bidang dakwah Islam dan menjalani *Training of Trainers (ToT)* bagi melaksanakan modul tersebut (Azmah Abdullah, 11 Jan 2018). Sebaliknya, Modul Istitabah MAIPP belum digunakan berikutan tiada lagi kes yang diisytiharkan murtad.

Manakala di Kelantan, belum ada modul yang khusus berkaitan pemulihan akidah terhadap pemohon keluar Islam atau ajaran salah. Namun begitu, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) telah menyediakan pengisian khusus bagi mereka yang terlibat dengan keluar agama. Setelah proses pemulihan dijalankan bagi tempoh enam bulan, Perkembangan pemohon direkodkan dan dilaporkan kepada mahkamah (Yasmun Mahmud, 26 Nov 2017).

Setiap negeri di dapati menjalankan Istitabah secara konsisten sama ada menggunakan modul yang khusus ataupun melalui bentuk pengisian yang disesuaikan dengan kes-kes tersebut. Ini menunjukkan proses pemulihan akidah bagi golongan yang mempunyai kecenderungan untuk tersasar daripada ajaran Islam sebenar diberi perhatian yang khusus bagi memelihara kepentingan agama Islam.

6.0 Kesimpulan

Secara keseluruhan kajian ini mendapati terdapat persamaan dari segi prosedur undang-undang tetapi amalannya berbeza mengikut keperluan di negeri masing-masing. Prinsipnya, semua negeri mengambil perhatian yang serius terhadap proses *istitabah* bagi menjamin kesucian agama Islam. Istitabah dilaksanakan di semua negeri dalam menangani kesalahan akidah dan murtad dalam kalangan orang Islam di setiap negeri. Walau bagaimanapun, istilah dan pendekatannya adalah berbeza mengikut negeri. Di Selangor, Istitabah adalah istilah yang digunakan dalam memulihkan pesalah akidah manakala dalam kes permohonan keluar Islam, ia disebut sebagai penasihat akidah. Manakala di Negeri Sembilan, tiada istilah Istitabah digunakan tetapi proses pemulihan ini disebut sebagai runding cara akidah. Sedangkan pesalah akidah dikenakan hukuman jika disabit kesalahan tanpa menjalani proses Istitabah. Amalan pemulihan Akidah di Pulau Pinang pula didapati menggunakan istilah pemurnian akidah berdasarkan Modul Pemurnian Akidah Menangani Gejala Murtad 2012 dalam berhadapan dengan pemohon keluar Islam manakala Istitabah hanya terpakai bagi mereka yang telah diisytiharkan sebagai murtad. Sementara itu, di Kelantan, pemohon keluar Islam ditahan dan menjalani runding cara akidah di Pusat Bimbingan Islam manakala pesalah akidah dikenakan hukuman jika disabit kesalahan tanpa ada proses Istitabah yang khusus.

Terdapat dua bentuk proses Istitabah yang digunakan iaitu penempatan di Pusat Pemulihan dan runding cara akidah. Setiap negeri di dapati menjalankan Istitabah secara konsisten sama ada menggunakan modul yang khusus ataupun melalui bentuk pengisian yang disesuaikan dengan kes-kes tersebut. Ini menunjukkan proses pemulihan akidah bagi golongan yang mempunyai kecenderungan untuk tersasar daripada ajaran Islam sebenar diberi perhatian yang khusus bagi memelihara kepentingan agama Islam. tempoh masa pemulihan akidah bagi pemohon keluar agama bergantung kepada amalan negeri-negeri tersebut. Secara umumnya, tempoh minimum adalah selama tiga bulan dan maksimum adalah 36 bulan. Namun begitu, kajian mengesan kesesuaian dan keberkesanan tempoh masa pemulihan banyak bergantung kepada komitmen pelatih dan kesediaan panel perunding.

Kajian mendapati bahawa antara faktor yang menyebabkan berlakunya permohonan tersebut adalah kerana masalah kekeluargaan, percintaan, perkahwinan, kewangan, kecelaruan jiwa dan gender, kejahilan, pengaruh media sosial, dan ingin mendapatkan pengaruh dalam kalangan masyarakat. Kebanyakan kes yang membuat permohonan keluar agama dan menjalani proses pemulihan adalah dalam kalangan saudara baru. terdapat usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab sebagai tindakan susulan selepas menjalani *istitabah* iaitu melalui bantuan pakar, menghadiri program lanjutan berkala, ziarah ke rumah pemohon, perlantikan sebagai staf sokongan untuk tujuan pemantauan dan pemberian bantuan dalam bentuk kewangan. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak terlibat dalam membantu memelihara akidah umat Islam di Malaysia.

Di samping itu, keberadaan modul Istitabah yang holistik dan komprehensif akan memberi impak dan kesan yang besar dan bermanfaat kepada Majlis agama Islam negeri, Jabatan agama Islam negeri dan JAKIM. Usaha-usaha yang dilakukan dari pelbagai pihak dalam membangun model, modul, penguatkuasaan, undang-undang sehinggalah dalam konteks rawatan kaunseling dan pemurnian akidah dilihat sebagai usaha sama dalam membanteras dan memulihkan ajaran-ajaran sesat dan gejala murtad di Malaysia. Implikasinya dapat dilihat dengan keamanan, kedamaian dan keharmonian dalam mengamalkan Islam yang sejajar dengan konsep aliran Malaysia iaitu ahli sunnah wal jamaah.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2021. No Geran: 2021/P/GPIK/GPP-001, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Pembentukan Modul Istitabah Bagi Pemulihan Akidah Penganut Syiah di Malaysia'.

7.0 Rujukan

- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Pengajian Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A'toa'Mokhtar, Ahmad, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mohd Hakim Arshad, and Nur Amalina Nordin. (2021). Bahagian Pemulihan Al-Riqab: Peranan dan Cabarannya dalam Menyantuni Komuniti LGBT. *Jurnal Pengajian Islam*.
- Azahar bin Yaakub@Ariffin. (2000). *Murtad di Kalangan Saudara Baru Keturunan India: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya).
- Azdi, Wan Mohd Fazrul, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Mohd Zaliridzal Zakaria, and Mohammad Fadzil Mat Yaacob. (2013). "Model Istitabah: Cadangan Konsep Dan Pelaksanaannya Dalam Intervensi Permasalahan Riddah Kontemporari Di Malaysia." *Al-'Abqari: Islamic Social Sciences and Humanities* 282, no. 1767.
- Azdi, Wan Mohd Fazrul, Kamaluddin Nurdin Marjuni, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Mohd Zaliridzal Zakaria, and Mohammad Fadzil Mat Yaacob. 2015. "Istitabah Model for Malaysia: A Preliminary Exposition." *Ulum Islamiyyah Journal*, Vol. 15.
- Babbie E. (2010). *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*, (Buku 1. Malaysia: Mc Graw Hill, 2006).
- Creswell, J.W, and Miller, D.L. 2000. "Determining validity in qualitative inquiry." *Theory into practice* 39, no. 3.
- Darusalam, Ghazali, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Dimon, Z., Azizan, N. I., Ismail, N., Ghani, H. A., Hassan, Z., Piah, N. M., ... & Petra, K. I. A. S. I. (2017). Konsep Kajian Amalan Istitabah Bagi Kesalahan Akidah Di Malaysia Dari Aspek Sosio Perundangan. In *4 th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi* (Vol. 7, pp. 261-277).
- Dr. Muhammad Yusry bin Mazlan (Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Rundingcara Akidah, Jabatan Mufti Negeri Sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 8 Januari 2018.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Mohd Nor Shahizan Ali. (2015). *Mengenal Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Izhar bin Ismail (Penguasa, Baitul Iman Ulu Yam Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 1 November 2017.
- K. H Mawardi Labay El Sultahani. (2000). *Taubat Penghapus Dosa* (Penerbit Al-Mawardi Prima: Jakarta).
- Muhammad Ramzi Omar. (2014). *Emergency Taubat*. Selangor: PSN Publication Sdn Bhd.
- Mohamad Zamri Mohamed Shapik. 2013. "Jenayah Riddah di Malaysia: Cadangan Penyelesaian berasaskan Maqasid al-Syariah," dalam *Undang-undang Syariah di Malaysia* (Selangor: Persatuan Ulama Malaysia).
- Mohd Aizam bin Maz'od. (2015). *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia* Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Merriam, Sharan B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education. Revised and Expanded from "Case Study Research in Education."*, (San Francisco: Jossey-Bass Publishers).
- Majlis Agama Islam Selangor. (2017). *Modul Istitabah 1*. Selangor: MAIS.
- Majlis Agama Islam Selangor. (2017). *Modul Istitabah 4*. Selangor: MAIS.
- Musa, Pg Ismail Pg, and Siti Zubaidah Ismail. 2015. "Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah." *Jurnal Syariah* 23, no. 1.
- Nor Ashikin Md. Nasir, & Siti Zubaidah Ismail. 2017. "Amalan Mahkamah Syariah Mengisytiharkan Status Agama Dalam Kes Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan." *KANUN: Jurnal Undang-undang Malaysia* Vol. 29 No. 1.
- Uma Sekaran. (2003). *Research Methods for Business A Skill Building Approach*, Edisi ke-4, (New York: John Wiley & Sons).
- Patton, M. Q. 1994. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Ed ke-2 (Newbury Park, CA: Sage Publication), 179-180.
- Patton, Michael Quinn. 1990. *Qualitative evaluation and research methods*, (Newbury Park, CA: SAGE Publications, inc).

- Samuri, Mohd Al Adib, and Muzammil Quraishi. (2014). Negotiating apostasy: applying to “Leave Islam” in Malaysia. *Islam and Christian–Muslim Relations* 25, no. 4.
- Tn. Hj. Mohd Darudin bin Taib (Penolong Mufti, Unit Khidmat Nasihat, Jabatan Mufti Selangor) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2017.
- YAA Dato’ Hj Daud bin Muhammad (Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Disember 2017.
- Yasmun binti Muhammad (Ketua Unit Dakwah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 26 November 2017.
- YAA Dato’ Mohammad Shakir bin Abdul Hamid (Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 11 Januari 2018.
- Azmah binti Abdullah (Penolong Pengarah Unit Dakwah, Majlis Agama Islam Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 11 Januari 2018.
- YA Tuan Abd Razak bin Mat Nayan (Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 2 Mac 2018.